



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI
KENYATAAN MEDIA**

MENGGERAKKAN GAGASAN KEMAKMURAN BERSAMA KE HADAPAN

Lanjutan dari kenyataan YAB Perdana Menteri berkenaan Gagasan Kemakmuran Bersama bersempena ulang tahun Kerajaan Pakatan Harapan pada 9 Mei 2019 lalu, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) mengambil tanggungjawab untuk membawa Gagasan ini satu langkah ke hadapan untuk memastikan ia dapat dilaksanakan seberapa segera demi untuk kepentingan rakyat yang menyeluruh.

Dalam pada itu, MEA telah mengambil langkah-langkah segera bagi memastikan Gagasan Kemakmuran Bersama ini menjadi falsafah dan tulang belakang kepada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang prosesnya baru sahaja dimulakan.

Gagasan Kemakmuran Bersama bukan gagasan sekadar untuk meningkat KDNK negara tetapi mengutamakan kepentingan rakyat. Kita percaya potensi ekonomi negara pada hari ini masih tidak digunakan secara menyeluruh dan mampu berkembang sekurang-kurang sekali ganda.

Gagasan ini menekankan persoalan membawa Malaysia ke arah pertumbuhan ekonomi dan negara dengan lebih pesat, keluar dari model ekonomi yang menggunakan buruh secara intensif, kepada ekonomi masa depan yang menekankan adaptasi kepada teknologi, automasi dan ekonomi intelek (*K-Economy*).

Gagasan Kemakmuran Bersama akan menekankan penggunaan bakat sumber manusia dan syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) negara kepada potensi yang terbaik dan memastikan kekayaan yang dihasilkan negara dapat diagihkan dengan lebih menyeluruh, meningkatkan pendapatan rakyat dan seterusnya mengurangkan jurang ekonomi rakyat tanpa mengira kelas, kaum mahupun wilayah.

Kita yakin 7 Teras Strategik yang telah digagaskan oleh Perdana Menteri akan mampu mencapai matlamat Kemakmuran Bersama. Perubahan-perubahan utama yang dirasakan perlu untuk memastikan matlamat ini dicapai antara lain:

- a) Membantu transformasi ekosistem perniagaan dan industri termasuk PKS supaya mampu mengadaptasi kepada Revolusi Industri 4.0, Ekonomi Digital dan Ekonomi Intelek untuk menjadi industri nilai tinggi dan mampu menjana lebih pendapatan kepada rakyat;
- b) Mengadakan transformasi kepada sumber manusia negara bagi menghasilkan tenaga kerja yang efektif dan bernilai tinggi serta memastikan pusat-pusat pembangunan kemahiran dan TVET negara memenuhi kehendak industri;

- c) Mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dengan memastikan industri beralih kepada pekerjaan dan perkhidmatan nilai tinggi yang menjanjikan pendapatan yang lebih tinggi kepada pekerja;
- d) Mengenal pasti 15 bidang-bidang keberhasilan utama baharu yang boleh menganjak ekonomi ke tahap yang lebih tinggi
- e) Mengadakan rasionalisasi kepada dasar dan strategi kebajikan rakyat (*needs-based approach*) dengan menekankan program graduasi golongan rentan ekonomi dan B40 untuk keluar dari kemiskinan relatif; serta
- f) Mewujudkan 50 pusat-pusat ekonomi tempatan di luar Lembah Klang bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dapat diagihkan dengan lebih meluas.

Kemakmuran Bersama harus memastikan jurang ekonomi, pendapatan dan penyertaan dalam rantai bekalan dapat diminimumkan terutama di kalangan masyarakat Melayu, masyarakat Orang Asli, Bumiputera Sabah Sarawak dan golongan relatif miskin supaya kekayaan negara dapat benar-benar dirasai bersama.

Atas semua strategi dan gagasan ini kita mengharapkan Gagasan Kemakmuran Bersama akan mampu mengurangkan jurang ekonomi dikalangan rakyat dan mempertingkatkan ekonomi dengan lebih rancak

Tujuan Gagasan ini adalah untuk kepentingan rakyat yang lebih menyeluruh. Oleh itu, kita mengharapkan Gagasan ini bukan hanya datang dari Kerajaan kepada rakyat (*top-down approach*), namun seharusnya mendapat pandangan dan maklum balas dari rakyat, industri dan masyarakat sivil (*bottom-up approach*) supaya ia mampu menjawab dan menyelesaikan kehendak dan keperluan rakyat

Maka, MEA akan mengambil tanggungjawab untuk mengadakan konsultasi dan mendapatkan maklum balas dari semua pemegang taruh, termasuk kumpulan pekerja, peniaga dan pemain industri untuk memastikan Gagasan ini akan menjadi milik rakyat secara bersama.

DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI
Menteri Hal Ehwal Ekonomi

19 Jun 2019